



Engenius juara Konvensyen KIK Peringkat UMP

“Kewujudan projek-projek Kumpulan Inovatif dan kreatif (KIK) yang dilaksanakan di peringkat jabatan masing-masing dapat menyumbang kepada tahap kualiti, kecekapan dan keberkesanan organisasi khususnya selain dapat membantu meningkatkan komitmen untuk menambah baik sistem penyampaian perkhidmatan (delivery system) di semua peringkat,” kata Pengerusi Konvensyen KIK yang juga Pendaftar Universiti Malaysia Pahang (UMP), Tuan Haji Mustafa Ibrahim semasa merasmikan Konvensyen KIK Kali Ke-2 Peringkat UMP.

Katanya, sejak diperkenalkan pada tahun lalu, UMP berjaya menghasilkan 21 projek inovasi termasuk yang dipertandingkan pada tahun ini.

“Saya amat berbangga dengan usaha warga kerja UMP yang melaksanakan kaedah inovasi yang menekankan aspek perkhidmatan yang unggul dan cemerlang.

“Tanpa pembaharuan, organisasi tidak akan menjalani perubahan dan hanya menjadi statik sahaja.

“Seterusnya, peningkatan kualiti dan produktiviti tidak mungkin berlaku,” katanya yang hadir bagi menyaksikan 10 kumpulan berentap mempersembahkan projek KIK masing-masing di Dewan Astaka pada 14 Oktober 2010 yang lalu.

Kumpulan Engenius daripada Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA)

dinobatkan sebagai juara yang berjaya membawa wang tunai sebatnnya RM 3,000, sijil penyertaan, piala pusingan dan cenderahati iringan.

Persembahan Engenius mendapat perhatian juri apabila projeknya berjaya menghasilkan sistem ‘chemtechtro 2010’ yang dapat membantu mempercepat pengiraan bahan kimia bagi sesi pengajaran dan pembelajaran di Makmal FKKSA.

Menurut Ketua Kumpulan Engenius, Noor Intan Shafinas Muhammad berkata, projek ini dicetuskan apabila ahli kumpulannya menyedari penyediaan pelbagai kepekatan bahan kimia untuk penggunaan pengkuliahan mengambil masa yang agak lama.

“Ianya memberi kesan kepada pelajar yang terpaksa menunggu masa yang lama untuk menjalankan kajian penyelidikan dalam sesi pembelajaran di makmal.

“Penyediaan bahan kimia ini penting untuk memastikan keputusan kajian untuk latihan amali yang dijalankan di makmal ini tepat,” katanya.

Kata Noor Intan, pelaksanaan kaedah KIK membolehkan kumpulannya berjaya menghasilkan sistem yang dinamakan ‘chemtechtro 2010’ yang hanya mengambil masa tiga minit berbanding tujuh minit serta menjimatkan kos perawatan bahan sisa kimia tersebut.

Manakala tempat kedua dimenangi kumpulan Wisdom, dari Perpustakaan yang menerima wang tunai sebanyak RM2,000 berserta sijil dengan tajuk projek “Meningkatkan Jumlah Pengguna Ke Perpustakaan”.

Kumpulan Kompeten, Pusat Teknologi Maklumat & Komunikasi pula mendapat tempat ketiga yang membawa pulang wang tunai bernilai RM1,000 berserta sijil dengan projek “Penambahbaikan Proses Penyediaan, Pengumpulan, Penyemakan dan Penghantaran Data-data Maklumat Staf, Pelajar Serta Penyelidik UMP Ke Dalam Sistem MyMohes yang disediakan oleh Kementerian Pengajian Tinggi”.

Turut serta ialah kumpulan D’Optimis (Jabatan Pendaftar), MekaEL (Jabatan Pembangunan & Pengurusan Harta), Smartpay (Jabatan Bendahari), Optic Creative (Bahagian Pengurusan Akademik) dan Aggressor (Jabatan Hal Ehwal Akademik & Antarabangsa), Hanes (Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan) dan kumpulan Pivot (Pusat Kesihatan Pelajar).

Hadir sama dalam konvensyen ialah Pengarah Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) Wilayah Timur, Dr. Mustafa Hashim, Ketua Bahagian Korporat, Majlis Perbandaran Kuantan, Suris Mihat dan Penolong Jurutera Kanan Mekanikal, UiTM Segamat, Tuan Haji Anuar Hashim.